

SOALAN NO. 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA

[TASEK GELUGOR]

TARIKH : 9 NOVEMBER 2016 (RABU)

SOALAN :

DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR] minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan jumlah bekas penghuni institusi kanak-kanak yang berumur
lebih 18 tahun yang belum boleh berdikari. Apakah usaha Kerajaan dalam
memantau kehidupan mereka yang masih belum mampu berdikari serta
adakah disediakan kemudahan bagi mereka mengadu nasib jika mereka
mempunyai masalah.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa prihatin terhadap kebijakan dan kesejahteraan kanak-kanak khususnya kanak-kanak yang ditempatkan di bawah institusi kebijakan.

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat berusaha memperlengkapkan kanak-kanak institusi sama ada dalam bidang pendidikan akademik atau latihan kemahiran yang mereka harus sertai sepanjang berada dalam institusi. Apabila keluar dari institusi, kanak-kanak ini diharap boleh berdikari dan mendapat pekerjaan yang bersesuaian. Jabatan juga membuat seliaan susulan dalam tempoh sekurang-kurangnya setahun selepas kanak-kanak keluar daripada institusi. Bagi bekas penghuni yang boleh menyambung pelajaran ke peringkat kolej atau universiti, mereka akan dibantu untuk meneruskan pelajaran. Manakala bekas penghuni yang ingin mendapat latihan

kemahiran mereka akan disalurkan ke agensi-agensi yang berkenaan seperti Giat Mara. Setakat ini Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak mempunyai rekod mengenai jumlah bekas penghuni institusi kanak-kanak yang berumur lebih 18 tahun yang belum boleh berdikari.

Walau bagaimanapun bagi bekas penghuni institusi yang belum boleh berdikari, kerajaan sentiasa memastikan kebajikan mereka tetap terjaga. Antara usaha-usaha yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

i. Program Penjagaan Berasaskan Keluarga

Pindaan terhadap Akta Kanak-Kanak 2001 yang kini dikenali sebagai Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 telah memasukkan elemen baharu iaitu program penjagaan berasaskan keluarga. Melalui program ini, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat melaksanakan penempatan kanak-kanak bersama keluarga ganti atau keluarga pelihara lebih awal sebelum mereka mencapai usia 18 tahun. Oleh yang demikian, kehidupan kanak-kanak akan lebih terjamin dan mampu berdikari melalui sokongan sosial dalam suasana kekeluargaan.

ii. Penglibatan Lembaga Pelawat Institusi Kanak-Kanak

Pelantikan Lembaga Pelawat di setiap institusi kanak-kanak adalah termaktub di bawah peruntukan Seksyen 82 Akta Kanak-Kanak 2001 dan dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat. Lembaga Pelawat berfungsi menjaga kebijakan dan kesejahteraan kanak-kanak serta termasuk kanak-kanak yang akan keluar dari institusi. Antara peranan yang dilakukan oleh Lembaga Pelawat adalah mencari keluarga ganti atau keluarga pelihara, mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dan membantu bekas penghuni sekiranya mereka dapat meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

iii. Penubuhan Rumah Perantaraan

KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menubuhkan sebuah premis dikenali sebagai Rumah Perantaraan. Rumah Perantaraan merupakan sebuah tempat yang disediakan untuk bekas penghuni institusi yang tidak mempunyai keluarga serta tempat tinggal dan sebatang kara. Mereka mendapat perlindungan sementara bagi

mendapat pekerjaan, meneruskan pelajaran atau mengikuti latihan kemahiran sehingga boleh berdikari.

Pada masa ini terdapat sebuah Rumah Perantaraan yang telah ditubuhkan dan terletak di Taman Datuk Keramat Kuala Lumpur. Premis ini dikendalikan oleh bekas penghuni institusi iaitu di bawah pertubuhan J'Keb Malaysia. Terdapat seramai enam (6) orang bekas penghuni di Rumah Perantaraan pada masa ini. Jabatan Kebajikan Masyarakat kini sedang berusaha untuk menambah tiga (3) buah Rumah Perantaraan dalam jangkamasa terdekat dan sedang mengenalpasti beberapa lokasi yang bersesuaian.

iv. Bantuan Geran Pelancaran

Jabatan Kebajikan Masyarakat turut menyediakan bantuan Geran Pelancaran dan Bantuan Latihan Perantis kepada bekas penghuni yang ingin terlibat dalam aktiviti keusahawanan. Bantuan Geran Pelancaran sebanyak RM2,700.00 sekaligus diberikan bagi membantu bekas penghuni institusi yang berpotensi untuk menceburi bidang ekonomi supaya lebih produktif ke arah hidup berdikari serta meningkatkan taraf hidup mereka. Manakala bantuan latihan perantis sebanyak RM250.00

sebulan seorang diberikan kepada bekas penghuni institusi yang mengikuti latihan kemahiran atau latihan sambil bekerja.

v. Perkhidmatan Kaunseling

Bagi semua klien Jabatan termasuk bekas penghuni institusi, Pegawai Psikologi di Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa bersedia untuk memberi perkhidmatan kaunseling dan psikologi sekiranya diperlukan. Tujuan perkhidmatan kaunseling dan psikologi disediakan adalah bagi meningkatkan *self-esteem*, memulih tingkah laku, kognitif dan emosi, memperbaiki kefungsian keluarga, memahami diri dan mampu membuat keputusan sendiri melalui beberapa pendekatan pendekatan seperti Kaunseling individu, Kaunseling kerjaya, Kaunseling keluarga, Program Psikopendidikan, Penaksiran Ujian Psikologi dan Konsultasi.

vi. Program Kerjasama Korporat (CSR) dan kerjasama agensi

Jabatan Kebajikan Masyarakat turut menjalankan program kerjasama korporat bersama syarikat korporat seperti Amway (Malaysia) Sdn Bhd dan agensi kerajaan seperti Giat Mara untuk membantu bekas penghuni

mengikuti latihan dalam bidang kemahiran yang bersesuaian dan seterusnya mendapat pekerjaan.

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa KPWKM sentiasa berusaha untuk memastikan bahawa kebijakan bekas penghuni yang keluar dari institusi sentiasa terbela dan mereka akan tetap dibantu seperti penerima bantuan yang lain sekiranya memerlukan bantuan.